



**MALAYSIA AIRPORTS HOLDINGS BERHAD**

**SYARAT SERTA PANDUAN PERMOHONAN  
PENDAFTARAN SYARIKAT**

## SYARAT SERTA PANDUAN PERMOHONAN PENDAFTARAN SYARIKAT

### 1.0 Kategori Pendaftaran

1.1 Kategori permohonan pendaftaran syarikat adalah seperti berikut:

Kelas	Modal Berbayar (RM)	Nilai Perolehan (RM)	Bidang Kerja
M1	10,000	≤100,000	Pembekalan, Perkhidmatan, Kerja
M2	10,001 – 50,000	100,000 – 500,000	Pembekalan, Perkhidmatan, Kerja
M3	50,001 – 200,000	500,000 – 1,000,000	Pembekalan, Perkhidmatan, Kerja
M4	200,001 – 500,000	1,000,000 – 5,000,000	Pembekalan, Perkhidmatan, Kerja
M5	≥ 500,001	> 5,000,000	Pembekalan, Perkhidmatan, Kerja
P6	≥10,000	Tiada Had	Perkhidmatan Professional

1.2 Syarikat akan dikategorikan mengikut kelas seperti yang ditetapkan di para 1.1. Nilai modal berbayar hendaklah sekurang-kurangnya **RM10,000** untuk melayakkan pendaftaran syarikat diterima oleh MAHB.

### 2.0 Maklumat Am Pendaftaran

2.1 Kelulusan permohonan adalah tertakluk kepada kepakaran, kemahiran dan kelayakan syarikat berdasarkan pengalaman kerja yang pernah dilakukan dan surat-surat sokongan yang telah dikemukakan semasa permohonan pendaftaran dibuat.

2.2 Pihak MAHB tidak akan memproses sebarang permohonan yang didapati tidak lengkap. Adalah menjadi tanggungjawab syarikat yang memohon, untuk memastikan semua dokumen yang dikehendaki oleh pihak MAHB telah disertakan dengan lengkap. Kegagalan berbuat demikian, akan menyebabkan permohonan pendaftaran syarikat ditolak secara automatik.

2.3 Setiap salinan dokumen yang dikemukakan **perlu disahkan** samada oleh :

- a) Setiausaha Syarikat atau
- b) Pendaftar Syarikat atau
- c) Pesuruhjaya Sumpah

Permohonan dengan dokumen yang tidak disahkan, adalah dianggap sebagai permohonan yang tidak lengkap; oleh itu permohonan tersebut akan ditolak secara automatik.

- 2.4 Semua maklumat dan dokumen yang dikemukakan hendaklah benar dan MAHB berhak menyemak dengan pihak berkenaan untuk memastikan kebenaran sesuatu maklumat. Sebarang pemalsuan maklumat atau dokumen, akan menyebabkan permohonan anda ditolak secara automatik.
- 2.5 Semua maklumat syarikat yang dikemukakan kepada MAHB adalah untuk tujuan pendaftaran syarikat dan simpanan rekod MAHB sahaja. Maklumat-maklumat ini dianggap sulit dan tidak boleh digunakan oleh mana-mana pihak untuk lain-lain tujuan.
- 2.6 Kelulusan pendaftaran syarikat yang dikeluarkan oleh MAHB bukanlah suatu jaminan bahawa syarikat yang memohon akan ditawarkan kerja oleh MAHB.
- 2.7 MAHB berhak memantau prestasi syarikat yang berdaftar dari masa ke semasa, selama tempoh pendaftaran berjalan.
- 2.8 Sebarang perubahan maklumat syarikat hendaklah dimaklumkan secara rasmi kepada MAHB dalam tempoh 14 hari atau 2 minggu dari tarikh perubahan/pembaharuan dibuat. MAHB tidak akan bertanggungjawab sekiranya kegagalan berbuat demikian menyebabkan syarikat terlepas peluang menyertai mana-mana tender/sebutharga yang dikeluarkan oleh MAHB atau anak-anak syarikatnya.

### 3.0 Bayaran Pendaftaran

- 3.1 Bayaran pendaftaran adalah seperti berikut:

Jumlah Bayaran (RM)	Tujuan Bayaran	Catatan
RM200.00	Sijil Pendaftaran Baru	Dibayar setelah surat kelulusan diterima daripada MAHB
RM100.00	Sijil Pendaftaran Pembaharuan	Dibayar setelah surat kelulusan diterima daripada MAHB

- 3.2 Bayaran pendaftaran boleh dibuat dalam bentuk berikut atas nama **MALAYSIA AIRPORTS HOLDINGS BERHAD** :
- Wang Pos
  - Kiriman Wang
  - "Bank Draft"/ "Cashiers Order"
  - Tunai

Pembayaran hanya boleh dibuat di alamat seperti berikut:

Bahagian Perolehan dan Kontrak  
Malaysia Airports Holdings Berhad  
Corporat Office  
Persiaran Korporat KLIA  
64000 KLIA Sepang  
Selangor

- 3.3 Resit pembayaran akan dikeluarkan apabila bayaran dibuat. Semua bayaran yang telah dibuat tidak akan dikembalikan.
- 3.4 Bayaran sijil pendaftaran baru atau pembaharuan, hendaklah dibuat selepas surat kelulusan diperolehi.
- 3.5 Pihak MAHB tidak akan bertanggungjawab di atas kehilangan segala bentuk pembayaran yang dihantar melalui pos.

#### **4.0 Tempoh Pendaftaran**

- 4.1 Pendaftaran syarikat baru atau pembaharuan adalah sah untuk tempoh 2 tahun, kecuali pendaftaran dibatal, digantung atau ditarik balik oleh MAHB atas sebab-sebab yang dinyatakan di para 7.0.

#### **5.0 Masa Pemprosesan dan Pembaharuan**

- 5.1 Dalam keadaan biasa, pemprosesan dokumen dan keputusan pendaftaran akan mengambil masa 1 bulan dan masa maksimum ialah 3 bulan dari tarikh penyerahan dokumen pendaftaran. Jika selepas 3 bulan tiada jawapan diterima daripada MAHB, permohonan anda boleh dianggap gagal.
- 5.2 Pihak MAHB tidak akan mengeluarkan sebarang surat peringatan berhubung tamatnya tempoh pendaftaran sesuatu syarikat.

#### **6.0 Perubahan Kelas/Penambahan Kod Bidang**

- 6.1 Sebarang permohonan untuk meningkatkan kelas syarikat atau penambahan kod bidang hanya boleh dibuat semasa permohonan pembaharuan pendaftaran syarikat dibuat. Permohonan yang dikemukakan pada masa selain dari semasa permohonan pembaharuan pendaftaran syarikat, tidak akan dilayan.

#### **7.0 Pembatalan/Penggantungan Pendaftaran Syarikat**

- 7.1 Pendaftaran akan dibatalkan sekiranya didapati:-

- a) Syarikat/pemilik/ahli kongsi/pengarah terlibat di dalam sebarang kegiatan haram/jenayah yang disabitkan dan didapati bersalah oleh Mahkamah di Malaysia atau luar negeri.
- b) Syarikat /pemilik/ahli kongsi/pengarah diisytihar bankrap oleh mahkamah di Malaysia atau luar negara.
- c) Terdapat pemalsuan dokumen-dokumen pengesahan taraf/kelas syarikat.
- d) Terdapat pindaan di atas sijil pendaftaran yang dikeluarkan oleh MAHB, dengan tujuan menipu atau lain-lain maksud.
- e) Syarikat memberi kebenaran untuk sijil pendaftaran disalahgunakan oleh individu atau syarikat lain.
- f) Pendaftaran syarikat dengan agensi kerajaan (Kementerian Kewangan (MOF), Pusat Khidmat Kontraktor (PKK), Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dan lain-lain) dan badan-badan pemantau perkhidmatan professional telah dibatalkan oleh agensi kerajaan/badan itu sendiri.

7.2 Pendaftaran akan digantung antara tempoh minima 6 bulan dan maksima 2 tahun sekiranya didapati:-

- a) Syarikat menarik balik tawaran sebelum tender/sebutharga dipertimbangkan atau menolak tawaran setelah tawaran dibuat, kecuali atas alasan munasabah dan diterima oleh MAHB (secara bertulis).
- b) Syarikat dipelawa untuk mengemukakan tawaran sebutharga/tender, tetapi tidak memberi maklum balas kepada MAHB.
- c) Syarikat gagal melaksanakan dengan sempurna, kontrak-kontrak yang telah ditandatangani dengan MAHB atau anak-anak syarikatnya.
- d) Syarikat didapati membuat pakatan harga dengan syarikat-syarikat lain semasa memasuki tender/sebutharga yang dikeluarkan oleh MAHB atau anak-anak syarikatnya.
- e) Pendaftaran syarikat dengan agensi kerajaan (Kementerian Kewangan (MOF), Pusat Khidmat Kontraktor (PKK), Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dan lain-lain) dan badan-badan pemantau perkhidmatan professional telah digantung oleh agensi kerajaan/badan itu sendiri.

Bagi kes (e), penggantungan pendaftaran syarikat dengan MAHB boleh ditarik balik, sekiranya penggantungan pendaftaran dibatalkan oleh agensi kerajaan/badan berkenaan. Syarikat perlu memohon kepada MAHB bagi mendapatkan pelepasan penggantungan pendaftaran dengan mengemukakan salinan asal surat pelepasan atau salinan yang disahkan benar, daripada agensi kerajaan/badan berkenaan.

7.3 Pendaftaran syarikat akan terbatal dengan sendirinya apabila:

- a) Tamat tempoh pendaftaran dan tiada pembaharuan pendaftaran dikemukakan dalam masa yang ditetapkan.
- b) Syarikat dibubarkan sebelum tamat tempoh pendaftaran, oleh sebab kematian pemilik/rakan kongsi/pengarah atau sebab-sebab lain.
- 7.4 Syarikat yang pendaftarannya telah digantung/ditarik balik/dibatalkan, tidak dibenarkan menyertai mana-mana tender/sebutharga baru yang dikeluarkan oleh MAHB atau anak-anak syarikatnya.
- 7.5 Syarikatnya yang pendaftarannya telah digantung/ditarik balik/dibatalkan, dibenarkan menyempurnakan kerja-kerja semasa yang sedang dilakukan.
- 7.6 Keputusan muktamad untuk menolak atau menerima rayuan menarik balik penggantungan pendaftaran syarikat tertakluk kepada keputusan yang dibuat oleh Pengarah Urusan MAHB.

#### 8.0 Keperluan Am Pendaftaran

No.	Jenis Dokumen	Catatan
1	Sijil Pendaftaran Perniagaan	
a)	Syarikat Perniagaan Tunggal	Salinan Borang D, Borang A, Borang B (jika ada) Pendaftar Perniagaan yang disahkan benar
b)	Perkongsian	Salinan Surat Perjanjian Perkongsian yang disahkan benar
c)	Koperasi	Salinan Undang-Undang Tubuh Koperasi yang disahkan benar
d)	Syarikat Sdn Bhd/Awam Bhd	Borang 8 – Syarikat Awam Bhd Borang 9 – Syarikat Sdn Bhd Borang 49 Borang 11 Borang 13 Form of Annual Return Borang 32A (jika ada) Borang 24 Memorandum & Articles of Association (M&A)  Salinan-salinan yang disahkan benar
2	Surat perjanjian sewa/beli pejabat	Salinan yang disahkan benar
3	Borang A penyata KWSP dan resit pembayaran bagi 2 bulan terakhir	Salinan yang disahkan benar  Hanya untuk syarikat yang mempunyai pekerja

No.	Jenis Dokumen	Catatan
		tetap lebih dari 5 orang
4	Peta lokasi pejabat beroperasi	
5	Salinan penyata bank 3 bulan terakhir	Salinan yang disahkan benar
6	Salinan Penyata Tahunan Beraudit yang terbaru	Untuk permohonan yang telah beroperasi selama lebih dari 2 tahun dari tarikh syarikat ditubuhkan  Salinan yang disahkan benar
7	Surat pengesahan dari institusi kewangan bagi kemudahan kredit yang diperolehi	Salinan Asal atau salinan yang disahkan benar
8	Profail syarikat dan pihak pengurusan	

## 9.0 Keperluan Khas Pendaftaran Syarikat

9.1 Salinan surat/sijil/lesen yang masih sah tempoh pendaftarannya, mengikut bidang atau industri berkaitan:

	Bidang Kerja	Keperluan Khas Pendaftaran
1	Pembekalan	Salinan surat-surat lantikan sebagai pengedar/agen produk daripada pembekal atau pengilang yang disahkan benar
2	Perkhidmatan Professional	Salinan lesen/sijil keahlian yang disahkan benar, yang dikeluarkan oleh badan yang memantau perkhidmatan professional tersebut
a)	Arkitek	- Pertubuhan Arkitek Malaysia (BOA)
b)	Struktur Awam, Mekanikal dan Elektrikal	- Lembaga Jurutera Malaysia (BEM)

	<b>Bidang Kerja</b>	<b>Keperluan Khas Pendaftaran</b>
c)	Jurukur Tanah	- Lembaga Jurukur Tanah Malaysia (LJTM)
d)	Jurukur Bahan	- Lembaga Jurukur Bahan (BQS)
e)	Undang-Undang	- BAR Council
f)	Klinik/Pusat Perubatan	- Kementerian Kesihatan dan Malaysian Medical of Association (MMA)
g)	Perakaunan	- Malaysian Institute of Accountants (MIA)
h)	Percukaian	- Malaysian Institute of Taxation (MIT)
i)	Insurans/ Broker Insurans	- Institut Broker Malaysia, Akuan Bank Negara Malaysia
3	Perkhidmatan	
a)	Percetakan	- Lesen Percetakan, Kementerian Dalam Negeri (KDN)
b)	Kawalan Keselamatan	- Lesen Senjata Api, Kementerian Dalam Negeri (KDN)
c)	Kawalan Makhluk Perosak	- Lesen Menjual/Menyimpan Racun Makhluk Perosak, Jabatan Pertanian
d)	Pengangkutan	- Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Jabatan Kastam & Eksais Diraja, Lembaga Perlesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP)
e)	Pemeriksaan dan Penyeliaan Elektrik	- Lesen Jabatan Bekalan Elektrik
f)	Ejen Pengembaraan/Syarikat Pelancongan	- Lesen Akta Industri Pelancongan
g)	Ejen Tiket (Ticketing Agent)	- Sijil Keahlian International Air Transport Association (IATA)
4	Kerja Kejuruteraan Awam	Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB), Pusat Khidmat Kontraktor (PKK)
5	Kerja Kejuruteraan Mekanikal	CIDB , Jabatan Kilang & Keselamatan Pekerja (JKKP), Pusat Khidmat Kontraktor (PKK)
6	Kerja Kejuruteraan Elektrikal	CIDB, Jabatan Bekalan Elektrik (JBE) & Pusat

	<b>Bidang Kerja</b>	<b>Keperluan Khas Pendaftaran</b>
		Khidmat Kontraktor (PKK)
7	Kerja Kejuruteraan Elektronik	CIDB, PKK
8	Kerja Telekomunikasi	CIDB, Malaysian Communication & Multimedia Commission (MCMC) dan Pusat Khidmat Kontraktor (PKK)
9	Kerja – Kerja Pembangunan Hutan dan Tanah	PKK, CIDB (Kerja-Kerja Landskap)

- 9.2 Keperluan mengemukakan lesen/sijil daripada badan pemantau berkenaan adalah juga terpakai untuk bidang kerja atau perkhidmatan yang tidak dinyatakan di atas.

## **10.0 Penghantaran Dokumen/Pertanyaan**

- 10.1 Salinan dokumen yang telah **disahkan** hendaklah dikemukakan ke:

Bahagian Perolehan dan Kontrak  
 Malaysia Airports Holdings Berhad  
 Corporat Office  
 Persiaran Korporat KLIA  
 64000 KLIA Sepang  
 Selangor

Dan sebarang pertanyaan berhubung pendaftaran boleh dibuat kepada:

Syafini Awanis Mohd Zain

Tel: 03-8777 7686

atau

Fazinatun Zanin Muhamad Jonin

Tel: 03-8777 7695